

MOHD DAUD BAKAR

Penulis Buku Minda Syariah Kewangan Islam

Sosialisasi Fekah


Dalam Struktur Masyarakat



57
B



Sosialisasi Fekah Dalam Struktur Masyarakat



Mohd Daud Bakar

Y.A.B. TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

PUSTAKA PERDANA



1013550



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Terbitan 2019

Amanie Media Sdn Bhd
Level 13A-2,
Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

www.amaniemedia.com

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Amanie Media Sdn. Bhd.

ISBN: 978-967-2302-09-4
978-967-2302-10-0 (e-book)

Dicetak di Malaysia oleh Percetakan Haji Jantan Sdn Bhd

ISI KANDUNGAN

Pendahuluan.....	vii
Bab 1: Ijtihad & Akal Yang Selayaknya Untuk Berijtihad	1
Bab 2: Keadilan Dalam Mahkamah Syariah	15
Bab 3: Tafsiran Al-Quran Dan Ijtihad : Satu Penilaian	25
Bab 4: Murtad: Pembelot Agama.....	33
Bab 5: Fanatisme Mengikut Yusuf Al-Qardhawi.....	43
Bab 6: Perempuan Dalam Syariah.....	53
Bab 7: Pendidikan Seks Dalam Persoalan Menangani HIV/AIDS	65
Bab 8: Hijrah Dan Kelangsungan Ummah.....	71
Bab 9: Anti-Hadis: Satu Kedangkalan Pemikiran Dan Kefahaman Yang Sesat.....	77
Bab 10: Erti Masyarakat Bertamadun	91
Bab 11: Penyelamat Maruah Wanita	99
Bab 12: Undang-Undang Bukan Jalan Penyelesaian.....	109
Bab 13: Ujian Saringan Mandatori HIV/AIDS Dalam Perkahwinan.....	119
Bab 14 : Konflik Antara Rukun Dan Kebanggaan Dalam Perkahwinan Islam.....	127
Bab 15 : Bencana Alam: Perbuatan Manusia Atau Takdir.....	135
Bab 16 : Skim Perbankan Tanpa Faedah.....	141
Bab 17 : Kutipan, Pengagihan Dan Perakaunan Zakat: Antara Tanggungjawab Peribadi Dan Tanggungjawab Pemerintah.....	149
Bab 18 : Perundangan Islam Dan Perkembangan Teknologi Bioperubatan.....	155
Bab 19 : Penggunaan Kondom Dalam Pencegahan Dan Kawalan HIV.....	161



Pendahuluan

Buku ini adalah hasil dari kompilasi kebanyakan artikel saya yang telah dicetak dalam Majalah Dakwah, keluaran Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia (YADIM) (1995-1996). Walaupun artikel-artikel ini telah menjangkau lebih dari 20 tahun, isu dan cara fikir Syariah dan fekah yang telah dibentangkan masih relevan sehingga sekarang. Begitulah juga dengan isu-isu masyarakat dalam kitab-kitab fekah klasik; mungkin isu dan permasalahan adalah lama dan tidak lagi semasa tetapi cara berijtihad dan membuat analisa fekah adalah sentiasa segar dan dinamik.

Saya namakan kompilasi ini sebagai sosialisasi fekah kerana kesemua artikel ini bertujuan meletakkan fekah dalam kerangka masyarakat yang berbentuk berubah, dinamik dan kemanusiaan. Mungkin kita tidak boleh mengawal bagaimana sesebuah masyarakat telah berubah dan melakukan evolusi tetapi kita, sebagai ahli hukum dan pembuat polisi negara, boleh membuat pendekatan fekah yang boleh bersosialisasi dengan fakta dan data kehidupan masyarakat.

Dalam bahasa yang lain, ilmu *ijtihad* dan fekah juga mesti mengambil kira perubahan kerangka masyarakat kerana setiap masyarakat ada struktur sosiologi dan antropologi yang berbeza. Setiap perubahan struktur masyarakat menuntut satu pendekatan fekah yang difikirkan paling sesuai dan secukup rasa dengan sukatan solusi hukum dan polisi yang munasabah; tidak kurang dan tidak lebih.

Semoga buku ini dapat menyediakan satu acuan sosialisasi fekah dalam kehidupan masyarakat sepanjang zaman dan di setiap tempat. Syariah yang menawarkan hanya satu solusi kepada semua masalah sepanjang zaman dan setiap tempat adalah Syariah

yang tidak hidup dan tidak relevan. Syariah (dan juga fekah) mesti mempunyai denyutan hati masyarakat dalam setiap lapisan dan kedudukan sosio-ekonomi.

Nota: Saya telah membuat beberapa penambahan dan suntingan perlu kepada artikel asal untuk tujuan penerbitan buku ini.

BAB 1

Ijtihad & Akal Yang Selayaknya Untuk Berijtihad

“Tidak keterlaluan kalau disimpulkan bahawa semua manusia tanpa mengira agama, adat dan perundangan ingin menjaga dan memelihara kepercayaan, nyawa, akal, kehormatan dan harta masing-masing dan mereka akan menjadi marah sekiranya salah satu perkara di atas dicabuli yang melibatkan diri atau keluarga mereka”.

Akal ialah satu aspek yang tidak dapat dipisahkan daripada wahyu dalam usaha seseorang mujtahid untuk memahami perintah dan larangan Allah atau ringkasnya perundangan Islam. Walaupun umat Islam mengetahui dan mempercayai bahawa mereka telah disediakan dengan dua sumber perundangan iaitu al-Quran dan Sunnah, mereka juga sedia maklum bahawa perundangan Islam tidak diberi kepada manusia secara ‘pasang-siap’.

Manusia perlu menggunakan akal mereka untuk memahami apa yang dikehendaki oleh teks-teks perundangan yang terdapat dalam dua sumber perundangan di atas ataupun dalam kes-kes di mana tidak ada langsung peruntukan teks perundangan yang bersifat wahyu. Imam al-Ghazali, dalam muqaddimah kitab usul fekahnya, *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*, telah menjelaskan bahawa ilmu usul fekah yang membimbing para

mujtahid untuk memetik hukum-hakam syarak daripada sumber-sumber perundangan adalah sebaik-baik ilmu dalam Islam kerana ia adalah kombinasi antara wahyu dan akal, *naql* dan '*aql (revelation and reason)*.

Perlu dijelaskan bahawa walaupun sudah terdapat teks perundangan (*nass*) dalam sesuatu kes, namun seorang mujtahid itu perlu menggunakan akal pemikirannya dalam dua perspektif. Pertama ialah untuk memahami makna dan maksud teks perundangan tersebut. Dalam konteks ini, seseorang itu akan memberi sesuatu makna berdasarkan banyak faktor yang mempengaruhi kefahamannya seperti penguasaan bahasa Arab yang sempurna yang pernah disifatkan oleh Imam al-Shafi'i sebagai suatu ilmu yang terlalu luas, pengetahuannya kepada sebab-sebab turunnya ayat al-Quran (*asbab al-nuzul*) dan datangnya sesebuah Hadis (*asbab al-wurud*), kefahamannya kepada kaitan antara kaedah usul fekah dan teknik bahasa Arab yang terdapat dalam teks perundangan dan sebagainya.

Perkara kedua ialah penggunaan akal dalam meletakkan sesuatu makna itu di tempat yang sesuai dengannya. Mungkin seorang mujtahid itu mendapat makna yang tepat tetapi mungkin beliau tidak meletakkannya di tempat yang selari dengan maksud dan kehendak teks perundangan tersebut.

Jelas kepada kita bahawa peranan akal diperlukan dalam semua tahap pemetikan hukum, pemindahan hukum kepada kes baharu, penilaian hukum-hukum yang telah sedia ada kerana timbulnya faktor-faktor baharu yang mungkin memerlukan tafsiran dan pendekatan yang baharu dan sebagainya supaya lebih sesuai dengan roh perundangan dan maksud keseluruhan perundangan Islam.

Peranan akal semakin diperlukan dalam kes-kes yang tidak ada peruntukan *nass* secara langsung di mana usaha untuk mendapatkan hukum selalunya dibuat dengan merujuk kepada *qiyas, istihsan, maslahah mursalah, sad al-dharai', 'adat* dan '*urf,*

istishab dan sebagainya yang kesemuanya bergantung kuat kepada penggunaan akal pemikiran untuk sampai ke satu konklusi hukum yang paling dekat dengan kehendak Allah s.w.t (yang tidak diketahui di dunia ini).

Di antara teknik-teknik ini, *qiyas* adalah yang paling berperanan memberi penyelesaian kepada permasalahan baharu kerana *qiyas* sebenarnya berperanan untuk memindahkan hukum yang telah sedia ada dalam al-Quran, Sunnah dan *ijma'* (pada sesetengah ulama) kepada kes-kes baharu yang mempunyai kesamaan dengan sebab dan 'illah hukum asal.

Dalam konteks ini, *qiyas* adalah satu teknik pemetikan hukum yang berbentuk sepenuhnya akal atau *reasoning*. Walaupun begitu, *qiyas* lebih diterima oleh kebanyakan ulama kerana penggunaan akal adalah lebih sistematik dan terkawal berbanding dengan teknik-teknik pemetikan hukum lain yang secara umumnya berbentuk penggunaan akal yang secara relatif agak 'bebas' dan tidak terkawal.

Memandangkan akal bukan sahaja merupakan asas kepada tanggungjawab (*taklif*) tetapi juga asas penting dalam memahami dan membuat pemetikan hukum, perundangan Islam telah memasukkan penjagaan dan pemeliharaan akal dalam lima perkara yang menjadi perlindungan ketuhanan (*divine protection*) bersama-sama dengan agama, nyawa, keturunan dan kehormatan diri, dan harta benda. Perundangan Islam telah memberi peruntukan hukum yang tegas dalam soal pemeliharaan akal seperti juga dalam perkara-perkara lain kerana kelima-lima perkara ini adalah tunggak kehidupan, kemuliaan dan tamadun manusia.

Sehubungan itu, tidak hairanlah kalau hukum *hudud* itu sebagai satu peruntukan hukuman yang tetap daripada Allah adalah khusus untuk menjaga kelima-lima perkara ini supaya tidak dicerobohi dan dimusnahkan. Penjagaan kelima-lima perkara ini adalah *maslahah* dan kemusnahan kepada lima

perkara ini di atas apa sahaja alasan dan hujah adalah *mafsadah* dan kerosakan kepada manusia. Kalau akal sudah rosak, maka banyak perintah-perintah Allah dalam al-Quran yang sentiasa menyeru manusia menggunakan akal pemikiran mereka akan menjadi sia-sia kerana asas pertimbangan manusia sudah rosak.

Kita sudah melihat bagaimana Islam telah meletakkan peranan akal begitu tinggi sekali termasuklah dalam ruang untuk memahami apakah hukum Allah s.w.t. yang sebenar dalam sesuatu kes. Di samping itu, Islam juga melarang merosakkan pemikiran dengan cara meminimum minuman yang memabukkan dan Islam juga menyediakan satu hukuman yang keras ke atas perbuatan sedemikian. Namun, kita ingin melihat sejauh mana peranan yang diberikan kepada akal dalam konteks memahami perundangan Islam khususnya apabila timbul gesaan supaya pintu akal dibuka semula untuk mengkaji hukum-hukum Islam yang terdapat dalam perundangan Islam.

Pada hemat penulis, kita tidak dapat menentukan persoalan di atas dalam bentuk 'kuantitatif' kerana akal adalah sesuatu unsur yang abstrak yang tidak dapat diterjemahkan dalam bentuk fizikal dan jumlah. Perkara seumpama ini bukan sahaja melibatkan akal tetapi melibatkan banyak perkara yang menjadi dasar dalam perundangan Islam seperti sifat keadilan kepada saksi dan hakim, kadar dan bentuk *gharar* (ketidaktentuan) yang boleh membatalkan sesuatu transaksi yang mengandungi unsur *gharar* tersebut, konsep *ihsan* dalam memberi *mut'ah* (hadiah saguhati kepada bekas isteri) dan sebagainya.

Sebagai contoh, al-Kindi dalam kitabnya *Wulat al-Qada'* telah memberi satu contoh tentang hukuman yang ditetapkan oleh tiga orang kadi Mesir berkenaan hukum dan kadar *mut'ah* yang patut diberikan kepada bekas isteri selepas perceraian. Abdul Rahman b. Hujairah (kadi Mesir 69-83 Hijrah) berpendapat bahawa *mut'ah* wajib dibayar dan kadarnya adalah tiga dinar yang dibayar melalui pejabat pembayaran negara (diwan). Kadi

Taubah b. Namr al-Hadrami yang datang selepasnya (115-120 Hijrah) berpendapat bahawa *mut'ah* hanyalah digalakkan. Kadi Khair b. Nu'man (120-127 Hijrah) bagaimanapun telah kembali kepada hukuman yang ditetapkan oleh Abdul Rahman b. Hujairah. Mereka berselisih pendapat kerana ayat-ayat al-Quran yang memerintah berbuat demikian (al-Baqarah: 236 dan 241) menyifatkan para suami yang memberi *mut'ah* sebagai golongan *muhsinin* dan *muttaqin* masing-masing.

Jelas bahawa konsep *ihسان* dan *taqwa* itu tidak dapat ditentukan kadar minimanya. Hal yang sama berlaku kepada *gharar* di mana dalam sesuatu transaksi, *gharar* dibenarkan dan dalam setengah transaksi yang lain, ia tidak dibenarkan malah membatalkan transaksi itu atas alasan *gharar* yang pertama hanyalah sedikit (*gharar yasir*) dan yang kedua adalah banyak (*gharar fahish*). Namun, sehingga sekarang, kita tidak dapat tentukan kadar minima *gharar* yang diharuskan kerana ini melibatkan soal 'kuantitatif'.

Merujuk kepada isu akal dalam perundangan Islam, kita dapat simpulkan bahawa ia adalah satu aspek yang sentiasa berperanan dalam semua tahap perundangan. Namun, untuk lebih tepat dan cermat dalam sesuatu kenyataan dan konklusi ilmiah, kita perlu meninjau persoalan di atas dengan lebih dekat dan menyeluruh. Dalam persoalan ibadat dan perkara berkaitan dengannya, ruang yang diberikan kepada akal untuk berperanan adalah tidak begitu luas kerana ibadah adalah berkaitan dengan Allah s.w.t. Allah s.w.t. telah menetapkan cara bagaimana Allah s.w.t. perlu ditaati dalam ibadat khusus seperti sembahyang, puasa dan haji.

Dalam persoalan zakat pula, oleh kerana ia melibatkan dua aspek iaitu ibadat dan kemasyarakatan, peranan akal agak lebih luas untuk berijtihad dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan zakat. Nikah kahwin, cerai, talak, hadanah, pusaka dan wasiat walaupun tidak digolongkan dalam bidang ibadat

khusus, masih mempunyai talian rapat dengan ibadat. Sehubungan itu, ruang untuk berjihad berdasarkan pemikiran tidaklah terlalu luas.

Akal hanya mempunyai peranan yang besar dalam bidang *mu'amalah* kerana ia melibatkan urusan manusia berbentuk kewangan yang sifatnya berubah berdasarkan zaman. *Ijtihad* dalam bidang *mu'alamah* adalah satu aktiviti pemikiran fekah yang aktif untuk memenuhi keperluan dan kemahuan manusia di samping mengelakkan sebarang unsur yang diharamkan oleh perundangan Islam sebagai dasar dan polisi utama dalam *mu'amalah* seperti larangan penipuan, ketidakadilan, penindasan dengan segala bentuk, paksaan, kejahilan, *gharar*, *riba* dan sebagainya.

Bidang jenayah pula mempunyai dua keadaan. Di satu keadaan, ia tidak langsung memberi ruang untuk akal berperanan kerana ia melibatkan jenayah-jenayah yang serius pada pandangan Islam iaitu *hudud* dan *qisas*. Persoalan mengapa ini dianggap jenayah serius tidak timbul kerana setiap agama, hukum adat dan negara dalam konteks zaman moden ini mempunyai senarai jenayah berat tersendiri yang tidak boleh ditolak ansur. Keadaan yang kedua ialah melibatkan *ta'zir* iaitu hukuman yang diserahkan kepada budi bicara kadi dan hakim untuk menjatuhkan hukuman kepada kesalahan-kesalahan selain dari *hudud* dan *qisas*.

Dari ilustrasi ringkas di atas, kita dapat simpulkan bahawa perundangan Islam adalah tidak *homogenous* di mana setiap bidang perundangan mempunyai tabiat dan sifat yang berbeza kerana suatu hikmah yang hanya diketahui oleh Allah s.w.t. Namun begitu, akal yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepada kita dapat membuat penyelidikan kenapa dan bagaimana ilustrasi di atas timbul.

Antara lain, kita dapat membuat analogi bahawa kalau seorang doktor yang berwibawa dalam bidang perubatan,

beliau akan terpaksa mengambil keputusan, bila keadaan mendesak, supaya mana-mana bahagian anggota pesakitnya dipotong untuk menyelamatkan nyawa pesakit itu atau untuk menolak kesakitan yang lebih berat atau menyeluruh. Bagaimana seorang doktor itu dapat membuat keputusan yang agak tidak 'berbelas kasihan' ini ialah hasil dari penggunaan akal beliau yang seimbang dan rasional, dan beliau tidak akan didakwa kerana mencederakan anggota badan pesakitnya.

Begitulah juga kalau perundangan Islam telah menetapkan hukuman yang berat kepada kesalahan jenayah yang tertentu, ia mesti difahami dalam konteks yang serupa kerana kesalahan-kesalahan jenayah ini menggugat ketenteraman dan kesejahteraan awam. Tidak keterlaluan kalau disimpulkan bahawa semua manusia tanpa mengira agama, adat dan perundangan ingin menjaga dan memelihara kepercayaan, nyawa, akal, kehormatan dan harta masing-masing dan mereka akan menjadi terlalu marah sekiranya salah satu perkara di atas dicabuli yang melibatkan diri atau keluarga mereka.

Bagaimana akal menganalisa sesuatu hukum adalah suatu proses yang tidak dapat diketahui dengan tepat oleh orang lain dan kadang-kadang oleh diri orang yang sedang berfikir. Dalam konteks perundangan Islam, usaha pemikiran seorang mujtahid untuk sampai kepada hukum syarak dinamakan sebagai *ijtihad*. *Ijtihad* diertikan oleh Imam al-Amidi dalam kitab usul fekahnya, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, sebagai satu usaha yang paling maksimum oleh seorang mujtahid untuk sampai kepada hukum Allah di mana seseorang itu merasai sendiri bahawa dia tidak dapat lagi berusaha lebih daripada itu sebelum mengeluarkan sesuatu konklusi hukum. Usaha seorang itu selalunya bertitik tolak di atas kemampuan akal pemikiran yang ada padanya.

Perlu disebutkan bahawa *ijtihad* adalah ialah satu usaha yang kompleks kerana ia melibatkan banyak peringkat dan bentuk. Kadang-kadang ia hanya sekadar untuk memahami apa yang

terkandung dalam *nass* syarak dan kadang-kadang ia cuba memberi hukum kepada kes yang tidak ada peruntukan khusus dalam syarak. Begitu juga kadang-kadang ia berperanan mengeluarkan hukum baharu yang belum ada dalam kes yang baharu timbul dan kadang-kadang ia hanya memilih beberapa fatwa dan hukum yang telah sedia untuk digunakan dalam kes-kes yang baharu timbul.

Jelas kepada kita bahawa akal pemikiran adalah asas utama dalam *ijtihad*. Persoalan timbul bagaimana seseorang itu menggunakan akal pemikirannya itu. Jawapan kepada persoalan ini perlu huraian dan penjelasan yang lebih lanjut. Kalaulah akal itu sesuatu yang mutlak, yang boleh membezakan antara baik dengan buruk, maka umat manusia pasti akan mempunyai satu bentuk perundangan yang sama sekurang-kurangnya pada dasar dan polisi utama.

Dalam konteks ini, ulama Islam berpendapat bahawa akal hanya menzahir dan menyerlahkan hukum Allah s.w.t. dan bukannya membuat dan membentuk hukum itu sendiri kerana akal tidak dapat mencipta hukum atas kapasitinya sebagai akal pemikiran. Dalam perundangan Islam, aktiviti akal untuk memahami dan menyemak perundangan Islam mestilah dilakukan di bawah pimpinan dan arahan teks-teks perundangan yang diwahyukan supaya hasil pemikiran ini tidak bercanggah dengan apa-apa peruntukan *nass* secara khusus atau paling tidaknya, tidak bercanggah dengan maksud umum dan roh perundangan Islam secara keseluruhan.

Dalam kes poligami, adalah tidak wajar dibuat satu konklusi bahawa jika diteliti betul-betul amalan poligami, adalah jelas bahawa yang dibenarkan hanya satu sahaja kerana tidak mungkin seorang suami boleh berlaku adil kepada dua, tiga atau empat isteri. Kenyataan ini walaupun diasaskan kepada akal adalah bertentangan dengan satu ayat al-Quran yang menyebutkan bahawa walaupun seorang suami itu tidak

mungkin berlaku adil kepada semua isterinya pada hakikat sebenar dan batin termasuklah diri Rasulullah s.a.w, poligami tetap menjadi keharusan.

Apa yang menjadi tuntutan Islam ialah keadilan dari segi zahir. Walaupun al-Quran sendiri yang menyatakan hakikat ini sebelum diberi peluang kepada akal untuk membuat sebarang cadangan, hukum poligami tetap menjadi keharusan dalam Islam dan pendapat sebaliknya adalah bertentangan dengan al-Quran kerana mengharamkan apa yang diharuskan oleh Allah. Namun begitu, akal boleh diberi peranan untuk memikirkan bagaimana, kalau poligami hendak dilaksanakan, ia akan membawa kepada tahap keadilan yang paling maksima.

Sehubungan itu, setiap negara Islam mempunyai peruntukan perundangan berbeza yang bermatlamat untuk menjaga kepentingan suami dan isteri dalam kes poligami tanpa membatalkan hukum keharusan poligami. Atas dasar ini, walaupun perundangan Islam tidak pernah mencapai persamaan pandangan dengan wujudnya, paling kurang, empat sekolah perundangan besar iaitu Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali, namun perselisihan pandangan mereka tidak pernah keluar daripada maksud umum dan roh perundangan Islam, dan ini bertepatan dengan tabiat perundangan Islam sebagai perundangan yang bersifat ketuhanan (*revealed law*).

Ada yang berhujah bahawa hukuman keharusan poligami dalam Islam perlu disemak semula kerana ia mungkin membawa ketidakadilan khususnya dalam satu keadaan di mana bilangan wanita dalam masyarakat biasa hampir sama banyak dengan bilangan lelaki. Dalam penghujahan ini, akal berperanan memberi justifikasi kenapa hukum keharusan poligami mesti disemak semula untuk dilakukan sebarang perubahan yang difikirkan lebih sesuai dengan hipotesis di atas. Akal yang rasional akan dapat menerima cadangan ini sebagai satu hasil pemikiran yang mempunyai alasan yang cukup baik untuk

memelihara kepentingan kaum wanita.

Pada hemat penulis, kalaulah akal dapat sampai kepada konklusi hukum di atas, sudah tentu akal yang 'sama' dapat membuat satu lagi konklusi yang bertentangan tetapi selari dari segi hukum akal iaitu kalaulah bilangan wanita lebih ramai daripada lelaki, poligami bukan sahaja mesti diharuskan malah kalau perlu, diwajibkan untuk menjaga kepentingan wanita. Kalaulah kepentingan wanita menjadi kayu ukur keadilan, akal pertimbangan perlu diubah dengan berubahnya kedudukan bilangan wanita.

Dalam contoh yang diberi di atas, kita dapat melihat bahawa akal itu bergantung kepada banyak perkara sebelum akal dapat mencadangkan sesuatu seperti bilangan wanita dan lebih pokoknya ialah konsep keadilan itu sendiri. Kesemua aspek ini perlu dimasukkan ke dalam wacana akal pemikiran seseorang untuk dikisar, digaul dan disebatikan sebelum lisan dapat menyatakan keputusan yang telah dibuat oleh akal sama ada berbentuk positif, negatif atau neutral. Apakah hasil canaian itu bergantung besar kepada kefahaman seseorang itu kepada konsep perkahwinan, keadilan, hak dan tanggungjawab dan sebagainya yang selalunya berbeza antara individu?

Dengan melihat kepada al-Quran, ia jelas bahawa al-Quran hanya menyatakan poligami sebagai satu amalan yang diharuskan tanpa melihat kepada kedudukan bilangan wanita. Namun, al-Quran menyatakan dengan tegas bahawa kalau seseorang itu tidak yakin boleh melakukan keadilan apabila beristeri lebih daripada seorang, maka cukuplah untuknya seorang isteri.

Konsep keadilan adalah teras pertimbangan dalam perundangan Islam walaupun konsep ini tidak diterjemahkan sepenuhnya dalam sumber perundangan hukum supaya ia menjadi satu konsep yang fleksibel untuk menjadi garis panduan kepada umat Islam di setiap zaman.

Reformasi dalam perundangan Islam mestilah satu reformasi yang cukup cermat dan penuh dengan ketaqwaan. Penyemakan hukum-hakam Islam yang silam bukanlah satu perkara yang baharu dalam orientasi perundangan Islam. Ia berlaku sepanjang zaman di mana generasi baharu akan menyemak hasil khazanah penulisan perundangan yang telah lampau. Jika terdapat aspek-aspek perundangan yang baik, generasi ini akan berusaha memperkembangkannya dan jika sebaliknya, mereka akan cuba memperbaikinya atau pun meninggalkan terus pandangan dan fatwa silam itu.

Dalam konteks reformasi ini, perlu diingatkan bahawa ia dilakukan atas dasar kajian ilmiah yang teliti. Sesuatu hukum itu telah ditolak mungkin kerana asas *ijtihadnya* telah berubah atau tidak lagi mempunyai kepentingan perundangan. Begitu juga, tidak boleh berlaku pemikiran duluan (*pre-concieved idea*) sebelum sesuatu hukum itu disemak dan kemudiannya ditolak.

Kalau ini yang berlaku dalam usaha penyemakan semula hukum-hakam silam, sudah pasti contoh-contoh serta hujah-hujah yang bersifat pelik dan pengecualian akan dikemukakan untuk menunjukkan bahawa sesuatu hukum itu tidak baik dan kemudiannya hukum itu dipukul rata kepada hukum-hukum lain yang ada kaitan dengan Islam dan *ijtihad*.

Ini selalu berlaku dalam kajian golongan orientalis di mana mereka, menurut al-A'zami dalam kritiknya ke atas orientalis terkemuka Joseph Schacht, sengaja memilih pandangan yang merupakan pandangan minoriti dan pengecualian dan kemudian dikatakan bahawa ia adalah sifat umum perundangan Islam. Dalam kes dan pandangan yang berbentuk *common* pula, mereka akan menyimpulkan ia adalah sifat pengecualian dalam perundangan Islam. Ini semua dilakukan kerana mereka membuat kajian atas dasar *bias* dan *pre-concieved idea*.

Perlu disebutkan bahawa dalam banyak keadaan, bila satu hukum baharu diadakan 'bertentangan' dengan hukum lama,

ia tidak semestinya membawa kepada penolakan hukum lama kerana kebanyakan perbezaan pandangan dalam fekah, menurut Imam al-Shafi'i, adalah perbezaan dari perspektif keharusan (*ikhtilaf min jihat al-mubah*) iaitu seseorang itu mempunyai ruang untuk mengikut mana-mana hukum yang telah difatwakan.

Akal bukanlah menjadi masalah dan isu dalam soal reformasi perundangan Islam. Persoalan yang menjadi teras ialah sejauh manakah akal itu dilengkapi dengan pendedahan-pendedahan dan latihan-latihan ilmiah serta kerohanian yang melayakkan seseorang itu melakukan *ijtihad* yang sistematik dan tidak keluar dari kerangka perundangan yang dibentuk oleh al-Quran dan Sunnah. Perkara ini bukan hanya melibatkan soal perundangan Islam tetapi setiap disiplin ilmu.

Dalam bidang ilmu kedoktoran misalnya, tidak semua doktor layak untuk melakukan pembedahan dan mereka yang berkelayakan pula, mesti mempunyai niat yang baik untuk menyelamatkan pesakit yang memerlukan pembedahan itu. Keadaan sebaliknya akan memudaratkan pesakit walaupun doktor mendakwa bahawa dengan sijil kedoktorannya, beliau berhak melakukan pembedahan.

Akal yang dikurniakan oleh Allah s.w.t mesti digunakan mengikut cara dan adabnya supaya akal menjadi penyuluh kepada kebenaran kerana kebenaran, di atas dasar kebenaran. Perubahan hukum Islam khususnya dalam bidang-bidang tertentu bukanlah perkara baharu dalam sejarah perundangan Islam.

Walau bagaimanapun perubahan ini selalunya diiringi oleh penulisan-penulisan ilmiah yang bermutu tinggi yang terdapat dalam beratus-ratus jilid untuk menjadi bahan kupasan akal pemikiran generasi yang akan datang. Atas dasar ini, perundangan Islam terus subur kerana ia menggabungkan antara dua unsur; wahyu sebagai penyuluh dan akal sebagai pelaksana.

Kalau akal tidak mempunyai kedudukan yang tinggi, sudah tentu al-Quran tidak membuat gesaan beberapa kali supaya manusia berfikir dan memahami diri mereka, alam semesta dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan mereka termasuklah perundangan.

Dengan rahmat-Nya yang Maha Luas, Allah s.w.t. wahyukan al-Quran dan juga Sunnah sebagai pembimbing kepada akal untuk selamat dan sihat kerana akal yang bersifat kemanusiaan perlu kepada wahyu yang bersifat ketuhanan. Gabungan inilah yang merupakan asas kepada tamadun dan kemajuan umat Islam dalam segala bidang ilmu yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana tamadun manusia.



BAB 2

Keadilan Dalam Mahkamah Syariah

“Keadilan tidak ada agama, bangsa dan alamat rumah. Setiap orang berhak kepada keadilan dan setiap orang tidak sepatutnya menjadi mangsa kezaliman dalam apa bentuk pun. Namun, keadilan lebih kritikal di mahkamah Syariah dan perkarangan mahkamah”.

Keadilan adalah satu konsep universal yang diterima dan dialu-alukan oleh segenap komuniti manusia walaupun isi kandungan keadilan itu sendiri adalah satu yang subjektif dan relatif. Islam sebagai salah satu agama langit yang masih selamat dipelihara oleh Allah daripada sebarang perubahan telah menjustifikasikan penurunan wahyu sebagai menjamin keadilan kepada manusia seperti yang dijelaskan dalam ayat 25, surah al-Hadid yang bermaksud: “Sesungguhnya Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka al-kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan”.

Namun begitu, ketidakadilan kadang-kadang begitu mudah dilabelkan kepada mahkamah-mahkamah Syariah yang selalu digambarkan sebagai mahkamah yang tidak berprosedur dan tidak layak untuk memberi pengadilan yang adil dan saksama kepada pihak-pihak yang bertelingkah.

Perkara ini sebenarnya telah timbul lebih awal lagi di kalangan para hakim Amerika Syarikat pada tahun 1941 dalam satu kenyataan Hakim Dobie. Terdapat juga hakim Amerika Syarikat selain daripada Dobie seperti Justice Frankfurter dan lain-lain yang mengibaratkan kadi atau hakim dalam mahkamah Syariah sebagai seorang kadi yang duduk di bawah seponon pokok yang menjatuhkan hukuman mengikut kecenderungan peribadinya tanpa merujuk kepada prosedur keadilan yang jelas.

Antara lain, mereka menyebutkan bahawa "*We do not sit like a Kadi under a tree dispensing justice according to consideration of individual expediency*", dan "*We sit, after all, as an appellate court, administering justice under the law, not as an accident Kadi, dispensing a rough and ready equity according to the dictates of his own unfettered discretion*".

Inilah gambaran yang terdapat dalam pemikiran para hakim Amerika Syarikat terkemuka dan ini telah mendapat kritikan daripada golongan sarjana Barat sendiri kerana ia bertentangan dengan fakta sejarah yang terdapat dalam khazanah keilmuan Islam.

John Makdisi misalnya telah merumuskan bahawa salah faham para hakim ini adalah disebabkan mereka terpengaruh dengan idea awal seorang ahli perundangan Barat terkenal iaitu Max Weber yang berpandangan bahawa hukuman dalam Islam diberikan oleh para juris tanpa sebarang alasan yang logik dan rasional.

Lawrence Rosen pula berpendapat kenyataan Frankfurter bahawa kadi dalam Islam menjatuhkan hukuman di bawah seponon pokok tanpa prosedur tertentu memberi gambaran dan mencerminkan pengetahuan Frankfurter yang terhad terhadap keadilan yang ditegakkan oleh para hakim Islam.

Farhat Ziadeh pula mengambil sikap yang lebih akademik dengan menyifatkan bahawa hakim-hakim (di Amerika Syarikat)

ini perlu dimaafkan kerana mereka tidak pernah mendapat kesempatan membaca buku suntingan Ziadeh sendiri iaitu *Adab al-Qadi* karangan al-Kassaf. Ziadeh menyebut bahawa al-Kassaf yang meninggal dunia pada tahun 261 Hijrah (bersamaan 874 masihi) adalah 900 tahun lebih awal daripada Sir William Blackstone, tokoh utama *Common Law* yang meninggal dunia pada tahun 1780 Masihi dalam mengutarakan prosedur mahkamah supaya keadilan dapat ditegakkan di Mahkamah Syariah dalam masyarakat Islam.

Di negara-negara Islam, timbul keraguan kepada sesetengah pihak bahawa keadilan akan diselewengkan oleh pihak Mahkamah Syariah. Dalam hal ini, kita tertanya-tanya apakah sebab yang mendorong sesetengah golongan mempunyai tanggapan sedemikian. Adakah sebab-sebab yang berlaku dalam dunia barat turut mempengaruhi pemikiran golongan Islam sendiri atau adakah di atas sebab-sebab lain yang menyebabkan sesetengah muslimin sendiri meragui keadilan dalam Mahkamah Syariah.

Kalau ketidakadilan benar-benar berlaku dalam Mahkamah Syariah, mengapa perkara yang sama tidak pula berlaku kepada mahkamah sivil kerana kalau ketidakadilan berlaku pada semua mahkamah, sudah tentu isu ketidakadilan ini tidak hanya dikaitkan dengan Mahkamah Syariah sahaja.

Al-Quran mengandungi banyak ayat yang menerangkan bahawa keadilan perlu dilaksanakan kepada semua lapisan masyarakat yang merangkumi rakyat dan pemerintah. Kalau berlaku sebaliknya, satu aspek keadilan sudah tidak ada walaupun perkara ini mungkin berlaku dalam sebuah negara yang serba maju.

Begitu juga, al-Quran menjelaskan bahawa keadilan perlu dilaksanakan tanpa melihat latarbelakang ekonomi pihak yang terlibat dalam perbicaraan di mahkamah. Lebih daripada itu, keadilan dalam Islam tidak membezakan antara keluarga dekat

atau mereka yang tidak mempunyai pertalian langsung dengan kadi dan hakim. Inilah beberapa prinsip utama keadilan dalam Islam.

Di dalam (keadilan) prosedur pula, dinyatakan sendiri oleh Rasulullah s.a.w bahawa kadi tidak boleh menjatuhkan hukuman dengan hanya mendengar penghujahan satu pihak tanpa mendengar penghujahan pihak kedua. Begitu juga Rasulullah s.a.w telah melarang seorang kadi menjatuhkan hukuman dalam keadaan dirinya yang tidak stabil seperti terlalu marah, mengantuk, lapar, dahaga, tertekan dan sebagainya.

Dalam kitab *Adab al-Qadi* karangan al-Kassaf, dinyatakan dengan jelas bahawa rekod mahkamah perlulah diserahkan oleh kadi yang tamat tempoh perkhidmatannya kepada kadi yang baharu menjawat jawatan kadi itu dengan cara yang sempurna. Antara lain, kadi baharu akan mengarahkan dua pembantunya yang amanah untuk mendapatkan rekod (*diwan*) kepada kes-kes lepas yang tersimpan dalam kotak yang tertutup (*qamatir*). Mereka juga diarahkan supaya mengenal pasti setiap rekod hukuman dan dokumen hutang terdahulu dengan menulis bahawa sesuatu rekod itu adalah hukuman ke atas si anu dan si anu dan seterusnya. Ini semua dilakukan di hadapan bekas kadi atau dua orang pembantunya yang amanah.

Bekas kadi juga, menurut al-Kassaf, dimestikan menulis dengan lengkap nama-nama mereka yang dipenjarakan dan sebab mereka dipenjarakan. Kadi baharu kemudiannya mesti menyoal banduan sebab mereka dipenjarakan, memeriksa kes mereka satu demi satu dan penentang (*adversary*) mereka akan dipanggil untuk mengemukakan hujah mereka.

Bukan itu sahaja, kalau mana-mana banduan mendakwa mereka telah dipenjarakan tanpa sebab dan mereka tidak mempunyai sebarang penentang, kadi akan mengarahkan pegawainya yang bertugas untuk memaklumkan kepada orang ramai supaya memberitahu dengan suara yang kuat bahawa

sesiapa yang mempunyai dakwaan ke atas si anu, hendaklah tampil ke hadapan mengemukakan bukti dakwaan ke atas banduan tersebut. Kalau tidak ada penentang, si banduan itu akan dibebaskan selepas si banduan itu membayar wang jaminan. Prosedur ini, mengikut Farhat Ziadeh, adalah untuk mengelakkan manusia dipenjarakan tanpa sebab.

Berkenaan pembuktian pula, perundangan Islam mempunyai beberapa kaedah (*maxims*) untuk menolong pihak kadi sampai kepada keadilan. Antara kaedah utama ialah “yakin tidak boleh dihilangkan dengan syak”, “pada asalnya seseorang itu bebas daripada sebarang tanggungan”, “asal sesuatu itu tidak ada”, “pada asalnya sifat mendatang tidak wujud”, “asal bagi sesuatu kejadian dikira pada masa yang paling hampir sekali”, “keterangan di atas yang mendakwa dan sumpah di atas yang ingkar (didakwa)”, “keterangan bertujuan untuk mensabitkan sesuatu yang bertentangan dengan zahir (jelas) dan sumpah pula untuk mengekalkan yang asal”, “keterangan adalah hujah yang melampaui pada yang lain dan *iqrar* pula adalah hujah yang terhad” dan sebagainya. Setiap satu kaedah ini amat berguna dan sistematik dalam menolong pihak mahkamah untuk sampai kepada keadilan sama ada dari segi menetapkan beban pembuktian ataupun menjatuhkan hukuman.

Kalau kita menyingkap penulisan dan buah fikiran Blackstone, kita dapat melihat bagaimana Blackstone memberi erti keterangan sebagai sesuatu yang menunjuk, menerang atau menentukan kebenaran pada fakta dalam sesuatu kes dari pelbagai perspektif. Pengertian ini bertepatan dengan Seksyen 3 dalam Akta Keterangan Malaysia 1950.

Dalam konteks ini, kita perlu merujuk takrifan dan huraian yang telah terlebih dahulu diberikan oleh Imam Ibn Qayyim (691-751H / 1291-1349M) di mana keterangan telah diertikan sebagai sesuatu yang menerangkan kebenaran dan tidak terhad kepada *iqrar* dan kesaksian. Malah, beliau telah menggariskan

lebih daripada 20 cara pembuktian di mahkamah yang boleh membantu pihak kadi untuk memutuskan kes dengan kebenaran.

Malah dalam perundangan Islam, kesaksian tidak diterima begitu mudah seperti dalam amalan undang-undang sivil. Seorang saksi dalam Islam mestilah diperiksa terlebih dahulu sebelum kenyataannya didengar dan diterima oleh mahkamah kerana penyaksian seorang saksi adalah mengikat (*binding*). Pemeriksaan saksi akan melibatkan penyiasatan tentang akhlak dan tingkah lakunya di dalam keluarga, tempat bekerja dan kampung serta kawasan perumahannya. Kalau seseorang itu tidak mempunyai sifat dan kelakuan yang baik malah diragui sama ada dia akan bercakap benar atau tidak, kesaksiannya tidak akan diterima sebagai kesaksian yang mengikat tetapi sebagai salah satu unsur *bayyinah* yang tidak mengikat pihak mahkamah.

Kita telah melihat secara ringkas bagaimana perundangan Islam menyusun beberapa prosedur untuk menegakkan keadilan di dalam mahkamahannya tanpa membincangkan secara teliti sifat-sifat keilmuan dan ketaqwaan yang perlu dimiliki oleh seorang kadi dan hakim, sifat seorang saksi, pegawai dan pembantu mahkamah dan sebagainya. Namun, terdapat setengah golongan manusia yang meragui sejauh mana Mahkamah Syariah dapat menegakkan keadilan.

Pada pandangan penulis, keraguan ini mungkin timbul daripada dua aspek iaitu aspek tidak mengetahui atau tidak berpuas hati dengan bentuk hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah dan aspek prosedur perbicaraan dan ulang bicara atau rayuan yang tidak kemas dan sistematik serta aspek pembuktian yang kadang-kadang dilihat menganiaya sesetengah pihak yang terlibat dalam sesuatu kes.

Perbincangan ini tidak akan membincangkan aspek pertama kerana ia melibatkan hukuman Allah s.w.t. khususnya *hudud* yang tidak boleh diubahsuai seperti juga hukuman yang

menjadi polisi dan dasar sesebuah negara moden yang tidak ada ruang langsung untuk pengampunan dan pengubahsuaian. Setiap perkara mempunyai senarai kes-kes kesalahan yang dipandang serius dan berat walaupun kesalahan yang sama kadang-kadang dianggap dalam kategori kes kesalahan biasa di negara yang lain. Kayu ukur ketetapan ini adalah relatif sedangkan hukuman *hudud* adalah satu yang tetap dan pasti.

Hukuman yang berbentuk *ta'zir* pula menyediakan ruang untuk difikirkan bentuk dan kadar hukuman yang paling sesuai untuk menghukum dan mendidik pelaku kesalahan serta mengajar masyarakat Islam. Kedua-dua aspek hukuman ini yang terletak dalam bidang kuasa 'Mahkamah Syariah' tidak akan dibincangkan di sini kerana ia sudah diketahui oleh kebanyakan manusia.

Aspek yang banyak menimbulkan keraguan mungkin berlaku dalam cara pembuktian dan prosedur perbicaraan dan ulangbicara (*rayuan*). Pernah disuarakan dalam kes rogol di mana kalau seorang perempuan didapati hamil tanpa mempunyai suami yang sah, maka dia dianggap sebagai telah melakukan perzinaan berdasarkan *qarinah* atau *circumstantial evidence*. Cara pembuktian ini dipercayai boleh membawa kepada kezaliman kepada golongan mangsa kerana si mangsa akan dikenakan hukuman *hudud* walaupun dia telah dirogol.

Perlu disebutkan juga bahawa peruntukan sebaliknya juga tidak akan membawa kebaikan kepada masyarakat secara keseluruhan kerana pihak wanita yang telah melakukan perzinaan dan kemudiannya hamil, dengan mudah membuat penafian dengan mengatakan bahawa dia telah dirogol atau melakukan perzinaan secara paksaan.

Sekali imbas, kedua-dua peruntukan di atas membawa keburukan sama ada kepada individu tertentu seperti dalam kes yang pertama atau kepada masyarakat secara keseluruhannya seperti dalam kes kedua kerana ia memberi ruang dan keuzuran

kepada manusia untuk melakukan perzinaan dan seterusnya akan menimbulkan gejala sosial dan penyakit ketamadunan manusia yang kronik.

Apa yang menjadi amalan manusia pada hari ini ialah apabila seseorang itu didakwa melahirkan anak yang tidak mempunyai ayah yang sah melalui ikatan perkahwinan, seseorang itu tidak boleh menafikan dakwaan itu dengan hanya mengatakan bahawa anaknya itu adalah hasil daripada kes rogol melainkan seseorang itu menunjukkan bukti dan keterangan tertentu bahawa dia benar-benar dirogol. Dalam kes hamil sebagai tanda kepada perzinaan dalam perundangan Islam yang boleh membawa kepada hukuman *hudud*, perlu juga disebutkan bahawa para ulama terlebih dahulu telah menerangkan bahawa kehamilan ini boleh dijadikan sebagai keterangan yang sah melainkan kalau pihak wanita memberi keterangan sebaliknya.

Qarinah dalam perundangan Islam perlu disebut sebagai bukanlah sesuatu yang mengikat dan kalaulah seorang wanita itu benar-benar telah dirogol, sudah pasti dia akan tampil ke hadapan memberitahu keadaan sebenarnya dan tidak akan menanti waktu kehamilannya menjadi jelas kerana dia adalah mangsa perkosaan. Kalau wanita itu tidak tampil ke hadapan, timbul kemungkinan bahawa dia mungkin melakukan perzinaan dan bukannya dirogol. Jelas kepada kita bahawa perundangan Islam mengambil perhatian kepada kedua-dua kemungkinan ini untuk menjaga kemaslahatan individu dan juga masyarakat.

Berhubung Mahkamah Rayuan, perlu diketahui bahawa institusi Mahkamah Rayuan sudah pun ada sejak zaman Rasulullah s.a.w. Dalam satu kes yang berlaku di Yaman, empat orang daripada empat kabilah yang berbeza telah keluar untuk memburu singa di mana mereka telah menggali lubang untuk memerangkap singa tersebut. Singa itu akhirnya terperangkap tetapi malangnya sewaktu mereka pergi untuk mendapatkan singa tersebut, salah seorang daripada mereka telah tergelincir

dan masuk ke dalam lubang perangkap yang digali oleh mereka. Orang yang tergelincir itu telah menarik tangan orang yang kedua dan orang yang kedua menarik tangan yang ketiga dan orang yang ketiga menarik tangan yang keempat dan akhirnya kesemua mereka terjatuh dalam lubang dan dibaham oleh singa tersebut.

Kaum keluarga mereka telah membawa kes ke hadapan Saidina Ali sebagai kadi di Yaman kerana mereka ingin mendapat pampasan (*diyah*) yang perlu dibayar oleh setiap kabilah kerana berlakunya pembunuhan tidak sengaja. Ali r.a. telah menjatuhkan hukuman dan kemudiannya telah membawa kepada pengetahuan Rasulullah s.a.w. (ulangbicara) di mana Rasulullah s.a.w. telah memperakukan keputusan Ali r.a. ini.

Seorang sarjana barat, David Powers, pensyarah dan penyelidik di Universiti Cornell, Amerika Syarikat, telah memberikan satu kupasan yang menarik tentang institusi Mahkamah Rayuan dalam sejarah Islam yang disimpulkan oleh beliau sebagai satu fenomena yang berlaku pada setiap zaman kerajaan Islam. Beliau juga merumuskan bahawa konsep ulangbicara dalam tradisi mahkamah Islam adalah satu amalan yang tidak asing yang berlaku sejak zaman Rasulullah s.a.w. Kewujudan Mahkamah Rayuan Syariah di Malaysia dalam bentuk yang ada hari ini adalah satu perkara yang ada kaitan dengan sejarah perundangan Islam dalam negara kita ini.

Keadilan menuntut supaya sebuah Mahkamah Rayuan, khususnya pada peringkat persekutuan, dapat diadakan secepat mungkin untuk membuat ulangbicara bagi kes-kes tertentu dan ini terserah kepada pihak pemerintah baik pada peringkat negeri ataupun persekutuan untuk mengambil inisiatif segera ke arah menubuhkan sebuah Mahkamah Rayuan Syariah pada peringkat persekutuan.

Pada hemat penulis, persoalan keadilan yang selalu dikaitkan dengan Mahkamah Syariah dapat dirumuskan kepada dua keadaan iaitu kadar hukuman yang telah ditetapkan oleh syarak (*Law-Giver*) dalam kes-kes *hudud* dan cara pembuktian dalam

Syariah dan fekah perlu bertindak balas dengan perwatakan dan pemboleh ubah dalam masyarakat. Fekah adalah satu instrumen yang hidup dan sehubungan itu, perlu bersosialisasi dengan semua isu dan permasalahan dalam masyarakat berdasarkan tempat dan masa. Adakala, Syariah dilihat memberikan pelbagai solusi kepada isu yang sama bukan kerana Syariah tidak konsisten tetapi kerana isu dan struktur masyarakat yang berbeza dan berubah.

Malah, pemikiran dan kepercayaan bahawa Syariah hanya perlu menyediakan satu solusi kepada semua persoalan dan permasalahan adalah sesuatu yang tidak tepat, kurang bijaksana dan juga tersasar daripada sosiologi fekah yang sebenar. Fekah tidak boleh berfungsi secara terpisah daripada sosiologi dan antropologi masyarakat.



Sosialisasi Fekah Dalam Struktur Masyarakat

Biodata Pengarang

Datuk Dr Mohd Daud Bakar dikenali sebagai salah seorang cendekiawan Syariah elit dunia oleh para pengamal industri kewangan Islam. Dr Mohd Daud Bakar yang berasal dari Kedah, adalah pengasas syarikat "Amanie" yang beroperasi di Kuala Lumpur serta beberapa buah negara. Beliau juga merupakan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Property Berhad, serta Ahli Jawatankuasa Pelaburan Permodalan Nasional Berhad.

Seorang yang menghargai cabaran dan kejayaan, beliau turut memanfaatkan pengalaman serta berkongsi buah fikiran di dalam karya agung beliau, "Minda Syariah Kewangan Islam: Kisah Balik Tabir Perspektif Cendekiawan Syariah". Sehingga kini, beliau telah menghasilkan sebanyak 15 buah karya pelbagai genre.

ISBN 9 78967 2302094



9 789672 302094

